



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

'PEMINJAM PTPTN TIDAK DIANIAYA SEBALIKNYA DIBERI PELUANG TAMPIL BERUNDING'

1. Kenyataan Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi adalah gambaran jelas bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan supaya apa juga usaha dan tindakan yang dilakukan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman mestilah dilaksanakan dengan baik tanpa menganiaya mana-mana peminjam. Ini bermakna **sebarang tindakan yang dilakukan PTPTN telah pun mengambil kira semua aspek dan mendapat pandangan daripada pelbagai pihak serta tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya.** Justeru, **PTPTN sentiasa berpegang kepada konsep mesra pelanggan dan mempelbagaikan pendekatan dalam mencapai sasaran kutipan balik pinjaman.**
2. Memahami pelbagai situasi yang dihadapi oleh peminjam, PTPTN sentiasa membuka ruang rundingan kepada semua peminjam yang mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik dan PTPTN yakin apa jua masalah dapat diselesaikan sekiranya peminjam tampil berunding. PTPTN juga sentiasa berusaha **meringankan beban peminjam dan memudahkan urusan dengan melaksanakan beberapa tindakan** antaranya:
 - a) Memberi **peluang kepada peminjam yang tidak mampu membuat bayaran balik untuk datang berunding bagi membuat penstrukturan semula pinjaman** mereka. Melalui **penstrukturan ini ansuran bayaran balik boleh dikurangkan mengikut kemampuan, tertakluk kepada pendapatan dan umur** mereka;

- b) **Pembukaan Pejabat PTPTN negeri dan cawangan di seluruh negara untuk memudahkan akses peminjam membuat rundingan,** Terdapat cawangan yang dibuka pada hujung minggu dan selepas waktu pejabat;
- c) **Meningkatkan mutu perkhidmatan talian Careline PTPTN melalui penambahan pegawai yang berpengetahuan dan pemanjangan waktu perkhidmatan** pada hujung minggu dan selepas waktu pejabat pada hari kerja biasa. Rundingan bagi penyelesaian masalah boleh dibuat melalui telefon dan seterusnya bayaran dibuat secara *online*.
3. Peminjam PTPTN juga **hanya perlu membuat bayaran balik selepas enam (6) bulan tamat pengajian.** Tempoh tersebut diberikan kepada peminjam untuk memberi peluang kepada mereka mencari pekerjaan dan sebagainya. Jika selepas tempoh inipun masih ada masalah, PTPTN ada kaedah menyelesaikannya dengan syarat tampil berunding.
4. **Tindakan-tindakan lain yang diambil juga adalah selaras dengan perjanjian yang ditandatangani** di antara peminjam dengan PTPTN. Maknanya ia telah dimaklumi oleh peminjam. Ini juga adalah sebagaimana amalan biasa institusi-institusi kewangan dalam negara ini.
5. Dalam keadaan ini, apa juga langkah yang telah diambil oleh PTPTN termasuk penyenaraian peminjam di dalam *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) akan diteruskan. **Peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik secara konsisten mengikut jadual tidak perlu khuatir. Bagi peminjam yang tidak membuat bayaran balik sebagaimana sepatutnya atau mempunyai tunggakan akan mempunyai rekod buruk di dalam CCRIS** dan tidak dapat membuat pinjaman lain perlu berunding dengan PTPTN.
6. Langkah-langkah yang diambil oleh PTPTN bukan menekan mana-mana pihak. Mana-mana peminjam yang mempunyai masalah dinasihatkan agar segera berunding dengan PTPTN. **PTPTN sedia membantu kerana ramai peminjam yang sudah dibantu oleh PTPTN. Apa juga langkah yang diambil oleh PTPTN semuanya adalah demi kepentingan pendidikan negara dalam menyediakan dana secukupnya untuk pelajar pada masa hadapan.**

7. Sebenarnya ramai peminjam PTPTN kini telah mula sedar akan tanggungjawab untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka. Ini terbukti apabila **telah ramai peminjam tampil membuat rundingan dan jumlah bayaran balik meningkat berbanding sebelum ini. Terima kasih kepada peminjam PTPTN yang telah menunaikan tanggungjawab** mereka. Kita tidak mahu **sikap segelintir peminjam PTPTN yang tidak membuat bayaran balik menjejaskan imej baik keseluruhan peminjam PTPTN.**

8. Secara peribadi, mana-mana peminjam yang rasa dianiaya boleh memaklumkan kepada saya atau **dikemukakan terus melalui icare.ptptn.gov.my.**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
Pengerusi PTPTN
26 September 2016**